

## **KESAN PENGGUNAAN LATIHAN GARIS TIGA SECARA LATIH TUBI TERHADAP MURID TAHUN EMPAT SEMASA MENULIS HURUF BESAR DAN HURUF KECIL**

Oleh

**Hapni Abang**  
**joe88\_extreme@yahoo.com**

PISMP Bahasa Melayuambilan Januari 2009  
IPG Kampus Batu Lintang

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melihat kesan latihan garis tiga secara latih tubi terhadap murid Tahun Empat semasa menulis huruf besar dan huruf kecil dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Peserta kajian ini terdiri daripada seorang murid dari Tahun Empat iaitu Yohan (nama samaran) yang sering kali menulis abjad berekor dan abjad berkaki dengan salah. Kajian ini juga bertujuan untuk menambah baik amalan sendiri dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Instrumen seperti rekod anekdot, soalan temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data kajian. Teknik analisis yang digunakan pula adalah analisis kandungan dan analisis pola manakala data disemak melalui triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Analisis data mendapati latihan garis tiga secara latih tubi berkesan dalam membantu Yohan menulis abjad berkaki dan abjad berekor dengan betul dan kemas di samping menambah baik amalan sendiri.*

*Kata kunci: Latihan garis tiga, murid Tahun Empat, menulis huruf besar dan huruf kecil, perkataan dan ayat Bahasa Melayu*

### **ABSTRACT**

*This research was conducted to see how three-lined exercises used repeatedly help Yohan (pseudonym), a Year Four pupil, write small and capital letters. He faced problems writing certain letters in Malay Language. Besides that, this research also provided me the opportunity to improve my teaching practices in Bahasa Melayu subject through the three-lined exercise. Data were collected through observation, interview, and document analysis; and then analyzed using content analysis and pattern analysis. Triangulation of method and sources were used to check the data. The findings showed that three-lined exercises helped Yohan write small and capital letters correctly in Malay Language as well as helped me to improve my own practices as a researcher and educator.*

*Key words: Three-lined exercise, certain letters, Year Four pupil, writing small and capital letters, Malay language words and sentences.*

## PENDAHULUAN


### Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatihambilan Januari 2009 dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL) yang mengambil dan mengikuti kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Bahasa Melayu sebagai kursus major. Saya juga tidak mempunyai pengalaman mengajar sebelum ini kecuali setelah menjalani dua fasa praktikum sebelum ini iaitu masing-masing selama empat dan lapan minggu di sekolah yang berbeza serta mengikuti aktiviti pengalaman berasaskan sekolah (PBS) di empat buah sekolah yang berbeza selama seminggu setiap satu sekolah.

Saya telah menjalani praktikum yang ketiga di SK Bunga Rampai (bukan nama sebenar) yang merupakan sebuah sekolah gred B yang terletak di bandar raya Kuching. Semasa mengajar di sekolah itu, saya berdepan dengan seorang murid Tahun 4 Cemerlang yang bernama Yohan (nama samaran) yang mempunyai masalah kemahiran menulis. Kesilapan dan kesalahan yang sering kali dilakukan oleh Yohan (bukan nama sebenar) ialah menggunakan huruf besar dan huruf kecil yang salah ketika menulis perkataan dan ayat dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan setelah mendapat sokongan, cadangan dan bimbingan daripada guru-guru sekolah tersebut untuk membantu Yohan mengatasi masalah tersebut melalui latihan garis tiga secara latih tubi

### Isu Keprihatinan

Semasa menjalani dua fasa praktikum sebelumnya di sekolah yang berbeza dari segi lokasi dan persekitarannya, saya mendapati bahawa segelintir murid di sekolah tersebut mempunyai masalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang salah semasa menulis perkataan dan ayat dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, saya cuba menyelesaikan masalah ini ketika menjalani praktikum fasa ketiga di SK Bunga Rampai. Setibanya di sekolah ini, saya mendapati isu yang sama dihadapi oleh Yohan, salah seorang murid Tahun 4 Cemerlang yang saya ajar. Isu ini telah dikenalpasti apabila saya meneliti latihan dan kerja rumah Yohan serta bertanyakan beberapa orang guru termasuk guru pembimbing saya. Rajah 1 menunjukkan masalah Yohan berkaitan dengan penggunaan huruf besar dan huruf kecil semasa dia membuat latihan Bahasa Melayu dalam kelas saya.



Rajah 1. Data awal menunjukkan masalah penulisan Yohan.

Di samping itu juga, atas dasar kesedaran untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan memperbaiki kelemahan saya semasa mengajar, saya mengambil keputusan untuk menjalankan penyelidikan tindakan ini.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Membantu Yohan, murid Tahun Empat dalam mengatasi masalah menulis huruf berkaki dan huruf berekor melalui latihan garis tiga secara latih tubi
- Menambahbaik amalan sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai guru Bahasa Melayu Tahun Empat menggunakan latihan garis tiga secara latih tubi dalam mengatasi masalah menulis huruf berkaki dan huruf berekor

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:

- Apakah kesan penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi dalam membantu Yohan, murid Tahun Empat mengatasi masalah menulis iaitu huruf berkaki dan huruf berekor
- Bagaimana saya dapat menambah baik amalan sendiri melalui penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi dalam membantu membaiki tulisan murid Tahun Empat?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**


Meimon Sanai (2009) dalam kajiannya yang bertajuk “Celik Huruf: Lancar Baca” turut mengaplikasikan penggunaan latihan menulis di atas garisan yang berkembar, iaitu garisan kembar tiga. Beliau menuliskan perkataan-perkataan suku kata “KV+KV” yang mudah seperti “baju” di atas garisan berkembar tiga dan murid beliau akan menyalin semula perkataan mengikut contoh guru. Beliau juga menghasilkan lembaran kerja yang mempunyai garisan berkembar tiga untuk memastikan tulisan muridnya seragam dan selari ketinggian serta saiz hurufnya. Disamping itu, Tiong Houg Ching (2005) dalam kajiannya yang bertajuk “Membaiki Tulisan Pelajar Tingkatan Peralihan Dengan Kaedah Ansur Maju” serta latih tubi turut menekankan kaedah yang sama bagi mengurangkan masalah menulis huruf besar dan huruf kecil. Kajian-kajian tersebut mendorong saya menggunakan pendekatan dan teknik yang sama bagi membantu peserta kajian saya.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan pada waktu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tempoh pelaksanaan penyelidikan tindakan ini adalah dari 6 Februari 2012 hingga 30 Mac 2012 yang melibatkan beberapa siri langkah.

#### **Langkah 1:** Latihan menyalin semula abjad/huruf


Murid diminta menyalin semula huruf ‘Aa hingga huruf Zz ‘dengan betul. Rajah 2 menunjukkan latihan menyalin huruf/abjad ‘Aa-Zz’.



Rajah 2. Latihan menyalin abjad Aa-Zz

**Langkah 2 :** Latihan menyalin semula perkataan


Murid yang telah mahir menulis pada latihan garis tiga seterusnya menyalin semula perkataan. Rajah 3 menunjukkan latihan menyalin semula perkataan.



Rajah 3. Latihan menyalin semula perkataan.

**Langkah 3 :** Latihan menyalin ayat

Setelah hasil kerja murid menampakkan perkembangan yang positif, saya telah memberikan latihan menyalin ayat. Rajah 4 menunjukkan latihan menyalin ayat.



Rajah 4. Latihan menulis ayat

**Langkah 4:** Lembaran kerja yang diberikan secara intensif diteruskan kepada murid disamping terus diberi bimbingan dan penegasan bagi memastikan murid menguasai kemahiran menulis huruf berekor dan huruf berkaki dengan betul.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Kajian ini telah melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik dan seorang murid Tahun 4 Bunga Rampai. Saya sebagai peserta kajian juga adalah selari dengan pendapat tokoh Eliot (2003) yang turut menegaskan PT adalah untuk "...the improvement of practice" (ms 173) untuk definisi awal PT beliau pada tahun 1978. Yohan merupakan seorang murid yang aktif, tidak kira di dalam kelas mahupun di luar bilik darjah. Namun Yohan berprestasi lemah khususnya dalam penulisan karangan Kertas Dua Bahasa Melayu.

### Etika Penyelidikan

Sebelum menjalankan sebarang penyelidikan tindakan, saya terlebih dahulu telah memohon kebenaran daripada pihak sekolah. Ini telah disertakan sekali dengan surat makluman daripada pihak institut kepada pihak sekolah berhubung dengan aktiviti dan tindakan yang akan dijalankan. Kemudian, saya mendapatkan kebenaran daripada peserta murid saya secara bertulis selain kebenaran secara lisan. Peserta kajian saya telah mengisi surat persetujuan penyertaan kajian. Penerangan diberikan agar murid memahami objektif dan hak sebagai peserta kajian. Rajah 5 menunjukkan contoh surat persetujuan penyertaan murid.

SURAT PERSETUJUAN PENYERTAAN DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN
Saya, _____ dari Kelas 5 Rose Sekolah Kebangsaan Jaya bersetuju/ tidak bersetuju (*) untuk terlibat sebagai peserta dalam penyelidikan tindakan ini. Saya memahami bahawa saya perlu terlibat dalam semua aktiviti dalam penyelidikan tindakan ini. Saya membenarkan penyelidik membuat rakaman audio, video ataupun tangkapan gambar-gambar untuk tujuan penyelidikan tindakan. Saya turut memahami pandangan, maklum balas dan hasil kerja saya akan digunakan dalam penulisan laporan penyelidikan tindakan. Pada masa yang sama, saya difahamkan saya boleh menarik diri pada bila-bila masa sepanjang pelaksanaan penyelidikan tindakan ini. Saya memahami segala maklumat peribadi saya akan dirahsiakan.

Rajah 5. Contoh surat persetujuan penyertaan murid.

### Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk memastikan data yang dikumpul mencukupi dan menyeluruh serta berupaya memberi bukti dan sokongan dalam menjawab soalan-soalan penyelidikan tindakan.

### Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sepanjang penyelidikan tindakan. Semasa membuat pemerhatian, saya menghasilkan catatan nota lapangan. Kandungan nota lapangan merangkumi huraian latar, tindakan yang dilaksanakan, tingkah laku peserta, refleksi sendiri dan perkara yang berlaku di luar jangkaan sekiranya ada. Nota lapangan menunjukkan rekod maklumat perkembangan peserta dari permulaan hingga ke akhir pelaksanaan penyelidikan tindakan. Rajah 6 menunjukkan contoh format nota lapangan.

**NOTA LAPANGAN**

Minggu :  
Tarikh/ Hari :  
Masa :  
Aktiviti :  
Kehadiran :  
Huraian latar :  
(persekitaran fizikal, keadaan kesihatan dan perasaan peserta)  
Tindakan yang dilaksanakan :  
Tingkah laku peserta :  
Refleksi Kendiri :  
Perkara yang berlaku di luar jangkaan sekiranya ada :

Rajah 6. Contoh format nota lapangan.

Selain itu, saya turut membuat borang senarai semak seperti dalam Rajah 7 di bawah yang digunakan oleh rakan kolaborasi semasa membuat pemerhatian terhadap peserta kajian saya. Rasional tindakan ini adalah untuk mendapatkan kesahihan dan ketepatan data yang diperolehi disamping mendapatkan pandangan rakan setelah membuat pemerhatian.

Rajah 7. Borang soal senarai semak.

**Analisis dokumen**

Analisis dokumen yang saya gunakan adalah berbentuk lembaran kerja. Peserta kajian saya perlulah membuat lembaran kerja tersebut pada permulaan pelaksanaan tindakan sehingga ke peringkat akhir pelaksanaan tindakan. Data yang dikumpul ini adalah sumber jenis primer. Ia menunjukkan perkembangan, kefahaman dan penguasaan murid terhadap kemahiran menulis huruf berkaki”.

**Temu bual**

Nama rakan kolaborasi				
Tarikh				
Masa				
Tajuk				
Arahan				
Merujuk kepada penggunaan latihan garis tiga, tandakan (√) pada ruang berkaitan.				
Kemahiran	Lemah	Sederhana	Baik	Catatan
1.	Menulis dengan kemas			
2.	Menulis pada garis tiga dengan betul			
3.	Memberi kemudahan kepada peserta kajian			
4.	Tulisan tersusun dan kemas			

Dalam temu bual, saya telah memilih temu bual separa struktur demi memperoleh maklumat lanjut dan pandangan daripada peserta. Contoh soalan temu bual yang saya kemukakan pada 20 Mac 2012 setelah tindakan diambil adalah seperti berikut:

- Bagaimana dengan latihan garis tiga semalam?
- Apakah perasaan kamu menulis pada latihan garis tiga? Kenapa?

- Adakah kamu sudah boleh menulis di atas garis tiga dengan betul?

### Teknik Menganalisis Data

Teknik analisis data yang telah saya gunakan adalah analisis kandungan dan analisis pola. Saya menganalisis nota lapangan saya melalui analisis kandungan. Semasa menganalisis, saya menandakan perkara-perkara yang dianggap penting dan berhubung dengan soalan-soalan penyelidikan tindakan saya. Setelah menganalisis kesemua nota lapangan, saya merujuk semula perkara-perkara yang ditandakan dan tentukan kategori. Rajah 8 menunjukkan contoh format nota lapangan

Nama peserta	Yohan	Membuat tanda dan menentukan kategori
Tarikh	20 Mac 2012	
Masa	0820 – 0920	
Catatan pemerhatian	Keadaan kelas yang bersih dan cemerlang. Kawalan kelas juga pada tahap yang memuaskan. Murid-murid kelihatan seronok dengan aktiviti bersajak dan saling memberikan kerjasama yang baik. Yohan juga menunjukkan kesungguhan dan minat dalam menyampaikan sajak. Apabila disuruh membuat latihan, Yohan pantas dan tidak bermain dengan rakan. Setelah murid-murid lain selesai membuat latihan yang sama dengan Yohan, aktiviti pengukuhan diteruskan. Yohan pula diberikan latihan menyalin ayat seperti kebiasaanya menggunakan latih garis tiga. Pada ketika ini, Yohan nampak sedikit berhati-hati ketika membuat latihan. Saya berpendapat bahawa Yohan ingat teguran dan bimbingan saya pada latihan-latihan sebelumnya. Dengan wajah yang tenang, bersahaja dan memegang pensel dengan kurang kemas, Yohan menulis dengan perlahan, dengan tulisan yang agak kabur.	
Cadangan Penambahbaikan	Saya telah memberitahu dan menunjukkan cara memegang pensel dengan betul. Saya juga telah menegur Yohan agar menulis dengan lebih terang dan jelas. Ini memudahkan saya menyemak dan beliau sendiri melihat jika terdapat sebarang kesalahan.	

Rajah 8. Contoh analisis kandungan nota lapangan saya (20 Mac 2012).

Di samping itu, analisis pola turut dilakukan yang mana analisis pola persamaan dan pola perbezaan digunakan bagi membanding beza tahap pencapaian peserta kajian disamping melihat kekerapan betul dan salah kerja murid. Rajah 9 dan Rajah 10 masing-masing menunjukkan pola persamaan dan pola perbezaan.

No	Huruf berkaki	Kekerapan	Huruf berekor	Kekerapan
1	k	3	g	4
2			p	6
3	d	3	y	3
4	t	5		
5	l	2		
6	b	2		
7	h	2		

Rajah 9. Pola persamaan.

No	Huruf berkaki	Kekerapan	Huruf berekor	Kekerapan
1	k	3	g	3
2			p	3
3	d	3	y	2
4	t	3		
5	l	1		
6	b	1		
7	h	2		


Rajah 10. Pola perbezaan.

### Teknik Menyemak Data

Dalam penyemakan data, saya menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk membina keyakinan terhadap kesahan dan kebolehpercayaan data yang saya kumpulkan dan analisis.

Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta penyelidikan tindakan saya yang sama. Kaedah berbeza yang digunakan adalah kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual seperti yang dinyatakan dalam teknik mengumpul data.

Triangulasi sumber pula melibatkan semakan lembaran kerja oleh saya dan guru pembimbing saya, Cikgu Awie (nama samaran) untuk memastikan semakan adalah konsistensi dan tiada bias demi menyemak kesahan data saya iaitu kesan penggunaan "Latihan Garis Tiga" dalam membantu murid menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul dan kemas. Rajah 11 menunjukkan satu contoh triangulasi sumber antara Cikgu Awie dan saya tentang hasil kerja Yohan.



Rajah 11. Triangulasi sumber (9 Mac 2012).

Rajah 11 jelas menunjukkan ketekalan semakan lembaran kerja murid untuk soalan pertama dan kedua. Soalan-soalan tersebut disemak dengan tanda betul sementara soalan ketiga dan keempat tidak mempunyai tanda betul.

### REFLEKSI


#### Refleksi Dapatan

- **Bagaimana saya dapat menambah baik amalan sendiri melalui penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi dalam membantu membaiki tulisan murid Tahun Empat?**

Penggunaan latihan garis tiga sememangnya asas kepada penulisan secara mekanis. Melalui latihan seumpama ini, murid dapat menulis dengan betul dan kemas di atas garis tiga. Sebelum menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya sebenarnya telah pun meninjau pelbagai jurnal dan kajian-kajian lepas berkaitan penggunaan latihan garis tiga. Saya sangat tertarik dengan kajian Maimon Sanai (2009) yang jelas menunjukkan penggunaan latihan garis tiga sangat membantu murid menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul. Dalam penyelidikan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012  
27&28 September 2012/ IPG KBL



tindakan ini, saya telah belajar cara menyemak dengan lebih teliti dan tersusun seperti yang ditunjukkan pada Rajah 12.



Rajah 12. Lembaran kerja Yohan (30 Mac 2011).

Pengenalan kaedah “latihan garis tiga” telah menukarkan kaedah p&p saya daripada daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Sebelum ini, saya hanya membetulkan setiap lembaran kerja hanya dalam buku latihan, saya berpendapat bahawa murid tidak mengetahui kesilapan dan kekurangan yang telah dilakukan. Melalui cara ini, saya perlu menyatakan kesilapan murid secara langsung dan spontan. Ini disokong dengan pernyataan Trigwell dan Prosser (1996) telah memberi impak kepada saya akan keperluan pertukaran kaedah p&p. Trigwell dan Prosser menyatakan guru perlu menyedari bahawa guru tidak dapat memindahkan sesuatu pandangan atau konsep baharu tentang dunia kepada pelajar. Kaedah berpusatkan murid adalah satu keperluan.

Penyelidikan tindakan ini membolehkan saya memantapkan lagi teknik penyoalan saya terhadap murid dengan mengemukakan beberapa soalan yang mudah difahami dengan bahasa yang sesuai dengan tahap murid. Perbincangan dan temu bual dengan Yohan penting bagi mendapatkan respon dan maklum balas berkaitan penggunaan latihan garis tiga dalam membantu murid menulis dengan betul dan kemas. Saya dapati penggunaan bahasa yang mudah perlu digunakan semasa menebual Yohan. Semasa temu bual dijalankan, saya menggunakan perkataan “kesan positif dan kesan negatif” seperti yang ditunjukkan pada transkrip temu bual berikut. Ternyata Yohan tidak faham maksud perkataan tersebut.

---

Saya	: Penggunaan latihan garis tiga bagus atau tidak?
Yohan	: Bagus (sambil tersenyum)
Saya	: Ia memberikan kesan positif atau kesan negatif kepada kamu?
Yohan	: (Menggarukan kepala dan mata memandang lembaran kerjanya)
Saya	: Latihan garis tiga membantu? Macam mana?
Yohan	: Ya. Saya boleh menulis dengan lebih kemas lagi.

---

Rajah 11. Transkrip temu bual saya dengan Yohan ( 30 Mac 2012).

Kaedah “latihan garis tiga” yang diaplikasi dapat menambah baik amalan p&p saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat. Amalan p&p saya dapat

ditingkatkan dengan kaedah berpusatkan murid, perbincangan perseorangan dan kepelbagaian teknik peneguhan dan pembetulan.

- **Apakah kesan penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi dalam membantu Yohan, murid Tahun Empat mengatasi masalah menulis iaitu huruf berkaki dan huruf berekor**

Kaedah “latihan garis tiga” telah memberi kesan positif terhadap Yohan dari segi menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul dan kemas seperti yang ditunjukkan pada Rajah 12.

Nama rakan kolaborasi	Suzi Binti Jinau			
Tarikh	2 Mac 2012			
Masa	9.15 pagi			
Tajuk	Minggu Kokurikulum			
Arahan	Salin semula ayat di bawah dengan betul			
Merujuk kepada penggunaan latihan garis tiga, tandakan (√) pada ruang berkaitan.				
Kemahiran	Lemah	Sederhana	Baik	Catatan
a) Menulis dengan kemas		/		Memberi peneguhan
a) Menulis pada garis tiga dengan betul			/	Bimbingan
a) Memberi kemudahan kepada peserta kajian			/	Teruskan
a) Tulisan tersusun dan kemas			/	Bimbingan

Rajah 12. Borang senarai semak perhatian rakan kolaborasi.

Analisis senarai semak mendapati bahawa Yohan sudah boleh menguasai kemahiran menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul. Kesan penggunaan latihan garis tiga ini juga menunjukkan bahawa Yohan yakin dengan tulisan sendiri dan menampakkannya keseronokan apabila boleh menulis dengan betul dan kemas seperti yang ditunjukkan pada transkrip temu bual pada 23 Mac 2012

Saya	:	Yohan, adakah ini hasil latihan sendiri? (sambil menunjukkan lembaran kerja)
Yohan	:	Tentulah, cikgu.
Saya	:	Macam mana dengan latihan garis tiga ini, membantu kah?
Yohan	:	Latihan yang cikgu berikan membantu saya menulis dengan betul. (menunjukkan latihan)

Rajah 13. Transkrip temubual Yohan pada 23 Mac 2012.

Di samping itu juga, nota lapangan saya pada 9 Mac 2012 seperti dalam Rajah 14 turut menunjukkan hasil yang positif terhadap Yohan. Penggunaan latihan garis tiga ini membantu Yohan menulis dengan betul, walaupun tulisannya masih belum kemas.

Yohan menulis perkataan dan ayat pada garis tiga.  
Namun ada beberapa huruf yang masih kurang kemas,  
tetapi betul dalam latihan saya.  
(Catatan Nota Lapangan saya, 9 Mac 2012)

Rajah 14. Catatan nota lapangan 9 Mac 2012.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penyelidikan tindakan ini telah mendatangkan kesan positif terhadap peserta kajian. Melalui penyelidikan tindakan ini, peserta kajian saya telah menunjukkan peningkatan dan kemajuan dalam kemahiran menulis, khususnya dalam menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul dan kemas. Tambahan itu juga, dengan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif, Yohan lebih yakin dan bersungguh-sungguh dalam membuat setiap lembaran kerja yang telah saya berikan. Murid ini juga sering kali dapat menyiapkan kerja rumah yang saya berikan dalam tempoh yang ditetapkan, khususnya lembaran kerja garis tiga.

Di samping mendatangkan kesan yang positif terhadap peserta kajian saya, penyelidikan tindakan ini memberi impak yang positif kepada diri saya. Ini kerana terdapat banyak pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh bermula sebelum tindakan hingga selepas tindakan, misalnya dalam mencari maklumat tentang teknik dan kaedah yang sesuai, jurnal-jurnal yang berkaitan, penulisan ilmiah, buku-buku rujukan dan sebagainya sehingga mendorong saya menggunakan latihan garis tiga secara latih tubi. Oleh yang demikian, saya berasa lebih yakin dalam menggunakan kaedah tersebut pada masa akan datang mengikut tempat, sekolah dan tahap murid.

Hubungan saya dengan pihak sekolah sama ada guru mahupun murid turut diertatkan. Penyelidikan tindakan ini memberi peluang kepada saya berinteraksi dengan warga sekolah untuk sesi perbincangan dan perkongsian. Daripada perbincangan dan perkongsian tersebut, saya turut menimba ilmu pengetahuan melalui pengalaman guru dalam bidang pendidikan yang sudah berpuluh-puluh tahun berkhidmat dalam bidang pendidikan. Ilmu ini amat berfaedah kepada saya sebagai bakal guru.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Melalui penyelidikan tindakan ini, saya dapat menggabungkan segala bentuk pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dari praktikum fasa satu hingga fasa tiga. Dengan kombinasi ketiga-tiga kemahiran dalam fasa praktikum yang berbeza, sekolah yang berbeza, murid dan sebagainya, saya dapat menjana sesuatu pengetahuan dan kemahiran yang baharu, seiring dengan fokus PT yang menyarankan penjana ilmu bagi mengembangkannya ke tahap yang lebih baik.

Penyelidikan tindakan bukan sahaja membantu anak murid saya, tetapi turut meningkatkan amalan sendiri. Pelaksanaan penyelidikan tindakan membolehkan saya memahami kekuatan dan kelemahan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, saya boleh merancang tindakan susulan kitaran seterusnya untuk menambah baik amalan p&p saya.

### **Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya**

Berdasarkan kejayaan yang memuaskan terhadap kaedah yang saya laksanakan ini, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini ke kitaran yang seterusnya sekiranya saya ditempatkan di sekolah ini sebagai guru baharu. Saya ingin membantu murid-murid berkenaan untuk menguasai dan mengukuhkan kemahiran menulis dengan betul dan kemas. Oleh itu, saya bercadang untuk menambah baik latihan garis tiga dengan melakukan sedikit inovasi dalam lembaran kerja tersebut. Penggunaan warna atau garis putus-putus digunakan dalam latihan garis tiga bagi membantu murid menulis dengan kemas, tersusun dan kemas.

Sekiranya saya ditempatkan di sekolah yang berlainan pula, , saya juga ingin meneruskan kaedah ini terhadap murid lain di sekolah lain yang mempunyai masalah yang sama demi membantu mereka menguasai kemahiran ini. Akan tetapi, pengubahsuaian dari segi masa, pendekatan dan tahap keupayaan murid perlu diambil kira bagi memastikan murid benar-benar boleh menguasai kemahiran menulis huruf berkaki dan huruf berekor dengan betul dan kemas. Seterusnya, saya boleh meneruskan tahap kemahiran menulis ke peringkat lebih tinggi seperti membina ayat mudah, membuat rumusan, menulis karangan dan mengarang wacana.

Justeru itu, dalam pembacaan saya berkaitan dengan bimbingan individu dan penekanan konsep huruf besar dan huruf kecil turut, saya akan mengaplikasikan pendekatan tersebut apabila di tempatkan di sekolah kelak bagi mengukuhkan lagi penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi dalam membantu murid menulis dengan baik, kemas dan betul.

## **RUJUKAN**

- Dayang Nurmalisa binti Abang Mohd Selanie. (2010). Kesan Pendekatan Bimbingan Secara Individu dalam membantu murid Tahun Tiga memperbaiki tulisan dalam Bahasa Melayu. Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), ms 18-30.12 Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL/7 & 8 Oktober 2010/ IPG KBL
- Elliott, J. (2003). Interview with John Elliott, 6 December 2002. *Educational Action Research*, 11 (2), 169-180.
- Noraini Binti Ombi. (2009). Kajian kes ke atas kekemasan tulisan murid Tahun 2 dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009*, 215-227.
- Tiong Hiong Ching. (2005). Membaiki tulisan pelajar Tingkatan Peralihan dengan Kaedah Ansur Maju. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan MBPL Tahun 2005*, 84-96.
- Trigwell, K. & Prosser, M. (1996). Changing approaches to teaching: A relational perspective. *Studies in Higher Education*, 21(3), 275-284.